

31 OCT 1996

Mahathir-Jackson

RAKYAT MALAYSIA OK, MICHAEL JACKSON PUN OK, KATA PM

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata disiplin rakyat Malaysia terbukti semasa konsert Raja Pop, Michael Jackson di sini pada Ahad dan Selasa lepas.

Mereka yang menyaksikan konsert itu tidakpun menunjukkan sebarang kelakuan yang tidak baik dan ini menunjukkan rakyat Malaysia berdisiplin, katanya semasa berucap pada majlis perhimpunan 3,000 kakitangan Tenaga Nasional Berhad di Kompleks Sukan ibu pejabat Tenaga Nasional di sini.

"Tak ada apapun berlaku semasa konsert Michael Jackson ... dia cakap pasal pentingnya memelihara alam sekitar, okaylah. Dia okay dan orang kitapun okay," katanya sambil disambut dengan ketawa gemuruh oleh hadirin.

Beliau berkata demikian sebagai menyarankan pentingnya negara terus aman dan stabil dan rakyat negara ini mempunyai sikap disiplin kerana ini boleh menarik orang asing terutamanya pelabur datang ke negara ini.

Perdana Menteri berkata bila adanya keamanan, negara akan maju dan rakyat akan menikmati faedah.

"Kalau kita miskin, tiada siapa nak datang," katanya.

"Saya dengar konsert Micheal Jackson di negara lain tidak begitu mendapat sambutan tidak seperti negara kita sebab kita ada duit nak tengok. Saya tak tengok (konsert) tapi kita dapat tengok disiplin orang kita bila menyaksikannya," katanya.

"Orang seperti Micheal Jackson akan datang kalau kita aman. Apa yang kita dapat hari ini, kita akan dapat lebih lagi di masa depan," katanya.

Konsert Michael Jackson mendapat sambutan hangat rakyat Malaysia. Lebih 40,000 penonton membanjiri Stadium Merdeka bagi setiap malam konsert itu diadakan.

Jackson berlepas ke Bombay semalam.

-- BERNAMA

ARA AHH